

Jabatan Audit Negara jalankan pengauditan di UMSKAL

4B 16.12.15 B3

JABATAN Audit Negara telah menjalankan pengauditan Pengurusan Perolehan di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada 14 dan 15 Disember lalu.

Objektif pengauditan itu adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan di UMSKAL telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

Selain itu, skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus bagi tahun 2013 hingga Oktober 2015.

Empat pegawai kanan menjalankan pengauditan itu yang diketuai Penolong Pengarah Audit Shafreezal Sobri yang dibantu tiga Penolong Juruaudit iaitu Nor Azizah Ismail, Rohana Amin dan Shahrudin Aree @Haji Ariffin.

Sesi pembentangan

audit dijalankan di Bilik Seminar, Bangunan Menara UMSKAL yang dihadiri Pengarah

UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik. Turut hadir, Timbalan Bendahari UMS

Badrul Hisham Ismail, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Mohamad Tuah, pegawai

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS serta ketua-ketua bahagian di UMSKAL.



MURNIZAM (tiga kanan), Shafreezal (dua kanan) dan Badrul Hisham (kiri) bersama pegawai Jabatan Audit Negara serta pegawai kanan UMSKAL selepas proses pengauditan dijalankan pada Isnin dan Selasa lalu.